

HELAIAN KETERANGAN PRODUK	TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD																											
<p>(Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih “IKHLAS Home Protect Takaful”. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful ini.)</p>	<p>(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)</p>																											
	<p>IKHLAS HOME PROTECT TAKAFUL</p>																											
	<p>Tarikh : dd/mm/yyyy</p>																											
<p>1) Produk apakah ini?</p> <p>Produk ini memberi perlindungan kepada bangunan kediaman anda dan kandungannya di dalamnya dan melindungi kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat, letupan, banjir, paip pecah atau oleh apa-apa Peril yang dinyatakan dalam Sijil Takaful ini.</p>																												
<p>2) Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?</p> <p>Tabarru’ – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru’ akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.</p> <p>Wakalah – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak lain sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (<i>Ujrah</i>) akan dibayar kepada pihak Syarikat.</p> <p>Nota: Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.</p>																												
<p>3) Apakah perlindungan-perindungan / manfaat-manfaat yang ditawarkan?</p> <p>Sijil Takaful ini melindungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerugian atau kerosakan bangunan dan/atau isi rumah Peserta Takaful yang disebabkan oleh kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah dan letupan; • Kerugian atau kerosakan bangunan dan/atau isi rumah Peserta Takaful yang disebabkan oleh pesawat atau peranti udara yang lain dan/atau benda yang gugur daripadanya; • Kerugian atau kerosakan bangunan dan/atau isi rumah Peserta Takaful yang disebabkan oleh pecahnya atau melimpahnya tangki, peralatan atau paip air rumah; <p>Manfaat tambahan berikut disediakan tanpa sebarang Sumbangan Takaful tambahan, tetapi tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful:</p>																												
<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="237 1440 310 1472">No.</th> <th data-bbox="310 1440 1065 1472">Manfaat Tambahan</th> <th data-bbox="1065 1440 1485 1472">Perlindungan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="237 1472 310 1524">1</td> <td data-bbox="310 1472 1065 1524">Belukar/Lalang</td> <td data-bbox="1065 1472 1485 1524">Bangunan dan Kandungan di dalamnya</td> </tr> <tr> <td data-bbox="237 1524 310 1577">2</td> <td data-bbox="310 1524 1065 1577">Kerosakan akibat pokok tumbang atau ranting dan objek daripadanya</td> <td data-bbox="1065 1524 1485 1577">Bangunan dan Kandungan di dalamnya</td> </tr> <tr> <td data-bbox="237 1577 310 1608">3</td> <td data-bbox="310 1577 1065 1608">Tunai Pendahuluan</td> <td data-bbox="1065 1577 1485 1608">Bangunan sahaja</td> </tr> <tr> <td data-bbox="237 1608 310 1640">4</td> <td data-bbox="310 1608 1065 1640">Bantuan Pembiayaan Kediaman</td> <td data-bbox="1065 1608 1485 1640">Bangunan sahaja</td> </tr> <tr> <td data-bbox="237 1640 310 1671">5</td> <td data-bbox="310 1640 1065 1671">Kepingan Kaca</td> <td data-bbox="1065 1640 1485 1671">Bangunan sahaja</td> </tr> <tr> <td data-bbox="237 1671 310 1724">6</td> <td data-bbox="310 1671 1065 1724">Harta dipindahkan sementara, kecuali untuk jualan atau untuk pameran atau ke tempat simpanan perabot</td> <td data-bbox="1065 1671 1485 1724">Kandungan di dalam sahaja</td> </tr> <tr> <td data-bbox="237 1724 310 1755">7</td> <td data-bbox="310 1724 1065 1755">Kerosakan kepada cermin kaca</td> <td data-bbox="1065 1724 1485 1755">Kandungan di dalam sahaja</td> </tr> <tr> <td data-bbox="237 1755 310 1862">8</td> <td data-bbox="310 1755 1065 1862">Pampasan terhadap kecederaan maut yang terjadi dalam rumah kediaman persendirian akibat keganasan luaran dan nyata disebabkan oleh pencuri atau kebakaran, dengan syarat kematian berlaku dalam tempoh 3 bulan selepas kecederaan sedemikian</td> <td data-bbox="1065 1755 1485 1862">Kandungan di dalam sahaja</td> </tr> </tbody> </table>	No.	Manfaat Tambahan	Perlindungan	1	Belukar/Lalang	Bangunan dan Kandungan di dalamnya	2	Kerosakan akibat pokok tumbang atau ranting dan objek daripadanya	Bangunan dan Kandungan di dalamnya	3	Tunai Pendahuluan	Bangunan sahaja	4	Bantuan Pembiayaan Kediaman	Bangunan sahaja	5	Kepingan Kaca	Bangunan sahaja	6	Harta dipindahkan sementara, kecuali untuk jualan atau untuk pameran atau ke tempat simpanan perabot	Kandungan di dalam sahaja	7	Kerosakan kepada cermin kaca	Kandungan di dalam sahaja	8	Pampasan terhadap kecederaan maut yang terjadi dalam rumah kediaman persendirian akibat keganasan luaran dan nyata disebabkan oleh pencuri atau kebakaran, dengan syarat kematian berlaku dalam tempoh 3 bulan selepas kecederaan sedemikian	Kandungan di dalam sahaja	
No.	Manfaat Tambahan	Perlindungan																										
1	Belukar/Lalang	Bangunan dan Kandungan di dalamnya																										
2	Kerosakan akibat pokok tumbang atau ranting dan objek daripadanya	Bangunan dan Kandungan di dalamnya																										
3	Tunai Pendahuluan	Bangunan sahaja																										
4	Bantuan Pembiayaan Kediaman	Bangunan sahaja																										
5	Kepingan Kaca	Bangunan sahaja																										
6	Harta dipindahkan sementara, kecuali untuk jualan atau untuk pameran atau ke tempat simpanan perabot	Kandungan di dalam sahaja																										
7	Kerosakan kepada cermin kaca	Kandungan di dalam sahaja																										
8	Pampasan terhadap kecederaan maut yang terjadi dalam rumah kediaman persendirian akibat keganasan luaran dan nyata disebabkan oleh pencuri atau kebakaran, dengan syarat kematian berlaku dalam tempoh 3 bulan selepas kecederaan sedemikian	Kandungan di dalam sahaja																										

9	Harta pembantu rumah	Kandungan di dalam sahaja
10	Perlindungan Pegangan secara Automatik	Kandungan di dalam sahaja
11	Harta di Laman	Kandungan di dalam sahaja
12	Kehilangan Wang	Kandungan di dalam sahaja

Anda boleh melanjutkan perlindungan ke atas risiko berikut dengan membayar Sumbangan Takaful tambahan:

No.	Manfaat Tambahan	Perlindungan
1	Tambahan perlindungan kecurian	Bangunan dan Kandungan di dalamnya
2	Rusuhan mogok dan niat jahat	Bangunan dan Kandungan di dalamnya
3	Penenggelaman dan gelinciran tanah	Bangunan dan Kandungan di dalamnya

Tempoh perlindungannya ialah selama satu (1) tahun. Maka, anda dikehendaki membaharui Sijil Takaful anda setiap tahun.

Nota : Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh perlindungan dan manfaat-manfaat yang disediakan di dalam Sijil Takaful.

4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Jumlah Sumbangan Takaful yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan Syarikat.

Perlindungan standard : RM _____
 Sumbangan Takaful untuk Amaun Perlindungan RM _____
 Perlindungan tambahan : RM _____
 Anggaran jumlah Sumbangan Takaful yang anda perlu bayar ialah : RM _____

Tertakluk kepada Sumbangan Takaful minimum sebanyak RM60.00.

5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Berikut adalah yuran dan bayaran yang dikenakan:

Bayaran yang perlu dijelaskan disamping jumlah Sumbangan Takaful:-

- Cukai yang digunapakai tertakluk pada kadar semasa yang dikenakan.
- Duti Setem : RM10.00

Bayaran lain yang termasuk dalam jumlah Sumbangan Takaful

- Yuran Wakalah -
 - ✓ Komisen : sehingga maksima 15% dari Sumbangan Takaful
 - ✓ Perbelanjaan Pengurusan : 45% dari Sumbangan Takaful

Bayaran yang perlu dijelaskan jika anda membatalkan Sijil Takaful ini :-

- Yuran Pembatalan : RM10.00

6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

Kepentingan Pendedahan

- Anda dikehendaki mendedahkan semua fakta penting yang anda tahu atau patut tahu; jika tidak, Sijil Takaful ini akan dianggap tidak sah.
- Sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam apa-apa perubahan yang berkaitan anda hendaklah memaklumkan kepada kami dengan segera.

Waranti Sumbangan Takaful

- Sumbangan Takaful kepada pihak Syarikat mestilah dibayar dan diterima oleh pihak Syarikat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil Takaful ini atau Endorsmen / pembaharuan Sijil Takaful. Jika syarat ini tidak dipatuhi, Sijil Takaful ini akan terbatal secara automatik dan pihak Syarikat memiliki hak terhadap Sumbangan Takaful pro-rata bagi tempoh Syarikat menyediakan perlindungan.

Jumlah untuk Dilindungi

- Anda harus memastikan harta anda dilindungi pada jumlah yang berpatutan dengan mengambil kira pengubahsuaian yang dilakukan pada harta tersebut.
- Anda boleh melindungi harta anda berasaskan dasar Nilai Pasaran atau nilai pengembalian semula:
 - a) Dasar Nilai Pasaran – pihak kami akan membayar kos pembaikan ke atas harta yang rugi atau rosak setelah ditolak jumlah Haus dan Lusuh dan Susut Nilai.
 - b) Dasar nilai pengembalian semula – pihak kami akan membayar kos penuh untuk pembaikan harta yang rosak tanpa menolak Haus dan Lusuh dan Susut Nilai, dengan syarat Amaun perlindungan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos pengembalian semula harta tersebut.
- Sekiranya jumlah yang dilindungi ke atas harta anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku, anda dianggap untuk bertanggungjawab terhadap perbezaannya dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya.
- Ekses, sebagai jumlah yang harus anda tanggung sendiri sebelum kami membayar balik kepada anda, adalah dikenakan untuk Peril tertentu, seperti tuntutan terhadap limpahan tangki air domestik, angin ribut, gempa bumi dan banjir.

Lebihan

- Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, Pihak Syarikat boleh, mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian. Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Sekiranya jumlah untuk Peserta Takaful kurang daripada had yang diperuntukkan, maka jumlah berkenaan akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful. Kedua-dua had yang diperuntukkan dan pengurusan jumlah berkenaan adalah seperti yang di nyatakan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan.

7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Sijil Takaful ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara;
- Kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau akibat daripada atau yang disumbangkan oleh bahan senjata nuklear
- Sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku terhadap harta yang dilindungi disebabkan oleh pelanggaran Undang-undang dan prinsip-prinsip Sivil atau Syariah oleh Peserta Takaful atau dengan cara lain daripada sebarang akibat yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah.

Nota : *Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.*

8) Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan Sumbangan Takaful untuk kadar pro-rata bagi tempoh Sijil Takaful yang belum luput. Tiada pulangan Sumbangan Takaful dibenarkan jika ada sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Takaful Pemilik Rumah/Isi Rumah, sila rujuk kepada buku panduan *info insurers* mengenai "Takaful Pemilik Rumah/Isi Rumah". Anda boleh dapatkan satu salinan daripada pengantara Takaful anda atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai *IKHLAS* Home Protect Takaful, sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas General Berhad

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2723 9696

Faks: 03-2723 9998

Laman sesawang : www.takaful-ikhlas.com.my

Emel : ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Produk seumpama yang boleh didapati?

- *IKHLAS* Houseowner/Householder Takaful

NOTA PENTING :

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN HARTA ANDA DILINDUNGI PADA JUMLAH YANG BERSESUAIAN MEMANDANGKAN IA AKAN MENJEJASKAN JUMLAH TUNTUTAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

MENURUT PERENGGAN 5 DARIPADA JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013, JIKA ANDA MEMOHON PRODUK TAKAFUL INI SEPENUHNYA UNTUK TUJUAN YANG TIDAK BERKAITAN PERDAGANGAN, PERNIAGAAN ATAU PROFESION ANDA, ANDA MEMPUYAI KEWAJIPAN UNTUK MENGAMBIL LANGKAH PENJAGAAN MUNASABAH UNTUK TIDAK MEMBUAT SALAH NYATAAN SEMASA MENJAWAB SOALAN-SOALAN DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK PRODUK INI). ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN-SOALAN DENGAN LENGKAP DAN TEPAT.

KEGAGALAN UNTUK MENGAMBIL PENJAGAAN MUNASABAH DALAM MENJAWAB SOALAN-SOALAN MUNGKIN MENGAKIBATKAN PEMBATALAN SIJIL TAKAFUL ANDA, PENOLAKAN ATAU PENGURANGAN TUNTUTAN, PERUBAHAN TERMA ATAU PENAMATAN SIJIL TAKAFUL ANDA.

KEWAJIPAN PENDEDAHAN DI ATAS ADALAH BERTERUSAN SEHINGGA SIJIL TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI.

SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA SOALAN-SOALAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK PRODUK INI), ANDA DIKEHENDAKI UNTUK MENDEDAHKAN APA-APA PERKARA LAIN YANG ANDA TAHU SEBAGAI BERKAITAN KEPADA KEPUTUSAN KAMI UNTUK MENERIMA ATAU TIDAK RISIKO INI DAN MENENTUKAN KADAR TERMA YANG HENDAK DIPAKAI.

ANDA JUGA MEMPUYAI KEWAJIPAN UNTUK SEGERA MEMBERITAHU KAMI SEKIRANYA SETELAH SIJIL TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH, ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI, APA-APA MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI) TIDAK TEPAT ATAU TELAH BERUBAH.

Informasi yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada dd/mm/yyyy